

MENGKAJI HUBUNGKAIT ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENSYARAH DAN  
PRESTASI PELAJAR BAGI KURSUS PENGENALAN KOMPUTER DI  
POLITEKNIK JOHOR BAHRU

AZILA BINTI ABDUL WAHID  
EMMAWATI BINTI MISRUN  
NORHAFIZA BINTI AHMAD

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00121137 8

70431

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : MENGKAJI HUBUNGKAIT ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENSYARAH DAN PRESTASI PELAJAR BAGI KURSUS PENGENALAN KOMPUTER DI POLITEKNIK JOHOR BAHRU

SESI PENGAJIAN : 2000 / 2001

Kami AZILA BINTI ABDUL WAHID, EMMAWATI BINTI MISRUN, DAN NORHAZIZA BINTI AHMAD.

mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis ini hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)  
JA 7032, JALAN KJ UTAMA 1, KESANG JAYA  
77000 JASIN, MELAKA

(TANDATANGAN PENYELIA)  
ENCIK MAHMAD AMIR BIN RADZALI  
PENYELIA

(TANDATANGAN PENULIS)  
12 JALAN KIAMBANG, TAMAN PERDANA  
83000 BATU PAHAT, JOHOR

(TANDATANGAN PENULIS)  
281 JALAN CEMPAKA, FELDA AIR HITAM,  
86000 KLUANG, JOHOR

Tarikh : 16 MAC 2001

Tarikh : 16 MAC 2001

“Saya akui telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini  
adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk  
tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal).”

Tandatangan : .....  
Nama Penyelia: ENCIK MAHMAD AMIR BIN RADZALI  
Tarikh : 16 MAC 2001.

MENGKAJI HUBUNGKIT ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENSYARAH DAN  
PRESTASI PELAJAR BAGI KURSUS PENGENALAN KOMPUTER DI  
POLITEKNIK JOHOR BAHRU

AZILA BINTI ABDUL WAHID  
EMMAWATI BINTI MISRUN  
NORHAFIZA BINTI AHMAD


Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
Syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)


Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2001

“Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :   
.....  
Nama Penulis : AZILA BINTI ABDUL WAHID  
Tarikh : 16 MAC 2001

Tandatangan :   
.....  
Nama Penulis : EMMAWATI BINTI MISRUN  
Tarikh : 16 MAC 2001

Tandatangan :   
.....  
Nama Penulis : NORHAFIZA BINTI AHMAD  
Tarikh : 16 MAC 2001

Jasa dan pengorbanan Ayahanda Abdul Wahid Bin Hj. Salleh  
dan Bonda Jamilah Binti Jani tetap ku kenang  
hingga ke akhir hayatku.

Buat Ayahanda Misrun Bin Kasmo  
Bonda Rahmah Binti Ahmad  
yang tersayang serta abang, kakak dan adik-adik.

Buat Ayahanda Ahmad Bin Hassan dan  
Bonda Fauziah Binti Kornain  
yang tercinta serta keluarga.

Teristimewa buat sahabat-sahabat kami yang disayangi.  
Terima Kasih atas segalanya.

## PENGHARGAAN

Bersyukur kami kehadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kami menyiapkan kajian kes ini pada masa yang ditetapkan.

Alhamdulillah setelah melalui segala cabaran dan dugaan sepanjang tiga bulan ini, dengan berkat kekuatan, kemahiran dan pengetahuan yang diberikan oleh Allah S.W.T. akhirnya terhasillah sebuah kajian kes bertajuk Mengkaji Hubungkait Antara Gaya Kepimpinan Pensyarah dan Prestasi Pelajar Bagi Kursus Pengenalan Komputer di Politeknik Johor Bahru.

Di kesempatan ini dengan berbesar hati, kami merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia kami, En. Mahmad Amir bin Radzali dari Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang membina bagi membolehkan kami menghasilkan satu kajian kes yang baik dan kemas.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat pihak pentadbiran, para pensyarah, dan para pelajar kursus Diploma Pengurusan Pelancongan, Politeknik Johor Bahru di atas kerjasama yang diberikan semasa kami mengedarkan borang soal-selidik kami.

Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat adakah terdapat hubungkait statistik yang signifikan di antara gaya kepimpinan yang di bawa oleh pensyarah kursus Pengenalan Komputer terhadap prestasi pencapaian pelajar dari segi gred terhadap kursus tersebut. Kajian ini dijalankan di Politeknik Johor Bahru yang terletak di Pasir Gudang dengan mengambil pelajar-pelajar semester 2 dan 3 Diploma dan Sijil '*Hotel Catering*' sebagai populasi. Kajian ini turut mengkaji gaya kepimpinan yang dominan yang telah digunakan oleh pensyarah kursus ini serta turut meninjau apakah pendekatan dalam gaya kepimpinan tersebut yang lebih disukai oleh pelajar. Kajian yang dijalankan akan melibatkan seramai 22 orang responden. Manakala borang soal selidik merupakan instrumen kajian yang akan digunakan di dalam penyelidikan ini. Data yang akan diperolehi telah dianalisis menggunakan SPSS Versi 9 dan laporan adalah dalam bentuk jadual ujian Chi-Square.

## **ABSTRACT**

This survey was made to identify if there are any statistically significant relationship between the lecturer of Introductory of Computer leadership's style and his/her student's academic performance. The survey was made at Polytechnique of Johor Bahru, Pasir Gudang. The 2<sup>nd</sup> and 3<sup>rd</sup> semester of Diplomas and Hotel Catering Certificate of this polytechnique student was used as a population. The survey was also used to identify the lecturer's dominant leadership style, and to identify the most favorable leadership style among the students. The survey will involved 22 respondents while a questionnaire will be used as an instrument. The data have been analysed by using SPSS Version 9 and the report was made using the format of Chi-Square test.

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Halaman Judul.....	i
Pengakuan Pelajar.....	ii
Dedikasi.....	iii
Penghargaan.....	iv
Abstrak.....	v
Abstract.....	vi
Isi Kandungan.....	vii
Senarai Rajah.....	ix
Senarai Jadual.....	x
Senarai Lampiran.....	xi
BAB 1      PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	01
1.2 Latar Belakang Masalah	02
1.3 Pernyataan Masalah	04
1.4 Objektif Kajian	05
1.5 Persoalan Kajian	05
1.6 Hipotesis	05
1.7 Tujuan Kajian	06
1.8 Kerangka Teori	06
1.9 Kepentingan Kajian	07
1.10 Skop Kajian	07
1.11 Definisi Istilah	08
1.12 Penutup	09
BAB 2      SOROTAN PENULISAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kerangka Model	12
2.3 Tinjauan Penulisan	
2.3.1 Pemimpin dan Kepimpinan	14
2.3.2 Pensyarah Sebagai Pemimpin	17
2.3.3 Gaya Kepimpinan Pensyarah	20
2.4 Penutup	24
BAB 3      METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	25
3.2 Rekabentuk Kajian	25
3.3 Subjek Kajian	26
3.4 Instrumenasi	27
3.5 Prosedur Kajian	28
3.6 Analisis Data	29

3.7	Andaian	29
3.8	Limitasi	29
3.9	Penutup	29
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	30
4.2	Hasil Keputusan	30
4.3	Kesimpulan dan Penutup	33
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	35
5.2	Rumusan	36
5.3	Perbincangan	37
5.4	Cadangan	38
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	40
5.6	Penutup	41

## BIBLIOGRAFI

## LAMPIRAN

Lampiran A : Borang Soal Selidik

## **SENARAI RAJAH**

Nombor Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Menunjukkan Hubungan Guru, Pelajar dan Situasi Dalam Suasana Kepimpinan	06
2.1	Tiga Unsur Yang Membentuk Kepimpinan : Pemimpin, Situasi dan Pengikut.	12
4.1	Frekuensi Gaya Kepimpinan Yang Dominan Oleh Pensyarahh Subjek Pengenalan Komputer.	31

## **SENARAI JADUAL**

Nombor Jadual	Tajuk	Muka Surat
1.1	Kumpulan Prestasi Keputusan Pelajar Berdasarkan Gred yang Diperolehi	09
2.1	Gaya Kepimpinan, Definisi dan Ciri-cirinya	21
2.2	Jenis Kepimpinan, Ciri Pemimpin dan Reaksi Murid	22
3.1	Taburan Soalan Mengikut Gaya Kepimpinan yang Telah Didominasikan Oleh Pensyarah	28
4.1	Dapatan Hasil Ujian Chi-Square Untuk Melihat Nlai Signifikan	30
4.2	Frekuensi Gaya Kepimpinan Pensyarah Yang Dominan Oleh Pensyarah Pengenalan Komputer	31
4.3	Hubungkait Antara Gred Pencapaian Dengan Gaya Kepimpinan	32
4.4	Frekuensi Bagi Setiap Pendekatan Pensyarah Gaya Demokratik	33

## **SENARAI LAMPIRAN**

Nombor Lampiran	Tajuk	Muka Surat
--------------------	-------	------------

A	Borang Soal Selidik	
---	---------------------	--

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Pendidikan di Malaysia kini sedang menghadapi pelbagai cabaran. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam beberapa bidang seperti ekonomi, politik, sains dan teknologi di dalam dan luar negara menuntut perubahan dalam dunia pendidikan. Perkembangan maklumat dalam perbagai bidang telah memperkembangkan lagi teknologi maklumat tidak kira dalam bidang pengurusan maupun kerja-kerja berteknologi tinggi. Sejajar dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha dengan menambah bilangan pusat-pusat pendidikan teknik dan vokasional di seluruh negara demi menghasilkan graduan yang dapat memenuhi permintaan tenaga kerja mahir dan separa mahir. Bagi Politeknik pula, untuk menghasilkan graduan yang tidak ketinggalan dalam persaingan dunia siber, mula memperkenalkan subjek-subjek yang menjurus kepada pengetahuan berkenaan teknologi maklumat dan komputer yang diwajibkan ke atas para pelajar tidak kira apakah kursus major yang mereka ikuti. Untuk menghasilkan graduan yang bermutu ini, secara sedar atau tidak, pensyarah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi

tingkah laku serta gaya pembelajaran pelajar demi mencapai prestasi cemerlang dalam akademik. Kadang-kala pensyarah akan menunjukkan gaya pengajaran dan kepimpinan yang dominan sewaktu kuliah yang mungkin memberi kesan kepada pelajar untuk menerima pengetahuan secara langsung atau tidak langsung.

Dalam senario pendidikan di Malaysia sekarang, penyelidikan mengenai gaya kepimpinan pendidik (guru atau pensyarah) amat jarang dijalankan. Selama ini, kebanyakan penyelidikan mengenai ikhtisas perguruan lebih tertumpu kepada pengaruh gaya pengajaran pendidik terhadap pencapaian pelajar dalam kursus yang diikuti. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungkait antara gaya kepimpinan pensyarah dan prestasi pelajar dalam sesuatu subjek dan menggunakan matapelajaran Pengenalan Komputer sebagai subjek kajian.

## **1.2 LATAR BELAKANG MASALAH**

Frasa pengaruh boleh dikaitkan dengan istilah ‘kesan’ atau ‘memberi kesan’. Manakala gaya kepimpinan pensyarah pula merujuk kepada jenis kepimpinan yang dibawa oleh pensyarah di dalam kuliah atau di luar kuliah untuk mengawal pelajarnya. Di sini, pensyarah turut dikaitkan dengan autoriti dan ketokohan serta peranan sebagai pembuat keputusan. Di sini pensyarah bukan sahaja terlibat dalam aktiviti mengajar, bahkan pensyarah turut terlibat untuk membuat keputusan sewaktu dalam kuliah atau mungkin di luar kuliah menggunakan autoriti dan ketokohan yang mereka ada. Menurut Habsah Ismail (1994), guru kadangkala tidak nampak bahawa hubungan yang dipupuk bersama murid melalui autoriti dan ketokohan mereka akan memainkan peranan penting

dalam menentukan kemajuan murid-murid. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa jenis kepimpinan berbeza, akan memberikan kesan yang berbeza terhadap murid sewaktu pengajaran.

Mengajar bukan sahaja satu aktiviti yang kompleks malahan ia juga boleh difahamkan sebagai proses yang melibatkan interaksi pada setiap sesi. Interaksi ini juga boleh melihat bagaimana seseorang pensyarah itu berperanan sebagai pemimpin. Maka secara tidak langsung, pensyarah merupakan pemimpin kepada pelajarnya sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran atau sesi kuliah di Politeknik Pasir Gudang. Maka dengan ini, pensyarah tidak dapat lari dari gaya kepimpinan yang dominan di mata pelajar di sepanjang semester pengajaran. Gaya kepimpinan ini pula terbahagi kepada tiga jenis yang biasa dibawa oleh pensyarah sewaktu kuliah iaitu kepimpinan autokratik, kepimpinan demokratik dan kepimpinan *laissez-faire*.

Bagi subjek atau kursus Pengenalan Komputer, ianya merupakan kursus wajib bagi semua pelajar Politeknik Pasir Gudang yang bukan dari kursus Sains Komputer untuk mengikutinya. Oleh itu, untuk mengadaptasi dan mengikuti matapelajaran tersebut dengan baik, maka banyak faktor-faktor lain yang mempengaruhi gaya pembelajaran mereka terhadap satu-satu kursus. Menurut satu kajian yang dilakukan oleh Nasuddin Othman dan Kamariah Husin (1996), banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di kolej antaranya adalah pendidikan ibu bapa, umur pelajar, tahap pendidikan pelajar, jumlah waktu kuliah, penglibatan kelas serta jumlah masa yang diperuntukkan untuk mengulangkaji dan aktiviti asrama. Maka, ini turut mempengaruhi pelajar-pelajar dalam prestasi mereka terhadap mata pelajaran Pengenalan Komputer.

Prestasi pelajar pula merujuk kepada gred yang didapti oleh pelajar yang telah mengambil kursus ini dengan dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan cemerlang, sederhana dan lemah. Ia berdasarkan kepada gred A, A-, B+, B, B-, C+, C, D+, D dan F.

Memandangkan terdapat banyak faktor penyebab prestasi pencapaian pelajar dalam kursus Pengenalan Komputer amnya, kajian ini ingin melihat sejauh mana gaya kepimpinan pensyarah akan mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dari segi gred yang didapati di akhir semester mereka dan untuk melihat apakah gaya kepimpinan pensyarah yang dapat diterima oleh pelajar yang mendapat gred cemerlang, sederhana dan lemah atau adakah faktor kematangan usia serta pengalaman bekerja membantu penerimaan mereka terhadap gaya kepimpinan pensyarah kursus ini.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau adakah terdapat hubungkait antara gaya kepimpinan seseorang pensyarah dengan prestasi pencapaian pelajar dalam kursus Pengenalan Komputer di Politeknik Pasir Gudang dari segi gred selepas pelajar mengikuti kursus tersebut.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji sama ada terdapat hubungkait antara gaya kepimpinan pensyarah dengan prestasi pencapaian pelajar bagi mata pelajaran tersebut.
2. Untuk mengetahui apakah antara gaya kepimpinan yang sering di bawa oleh pensyarah yang mengajar mata pelajaran tersebut iaitu mata pelajaran Pengenalan Komputer.

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah terdapat hubungkait antara gaya kepimpinan pensyarah dengan prestasi pencapaian pelajar bagi matapelajaran Pengenalan Komputer?
2. Apakah jenis gaya kepimpinan yang sering dibawa oleh pensyarah yang mengajar mata pelajaran tersebut iaitu mata pelajaran Pengenalan Komputer?.
3. Apakah pendekatan yang paling dominan oleh pensyarah bagi gaya kepimpinan yang mereka bawa?

## 1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Tidak terdapat hubungkait statistik yang signifikan antara gaya kepimpinan pensyarah dan prestasi pencapaian pelajar di dalam kursus Pengenalan Komputer di Politeknik Pasir Gudang.

## 1.7 TUJUAN KAJIAN


Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti adakah terdapat hubungkait antara gaya kepimpinan pensyarah dan prestasi pencapaian akademik pelajar bagi matapelajaran Pengenalan Komputer. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk meninjau apakah gaya kepimpinan yang sering dibawa oleh pensyarah di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kepimpinan pensyarah di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran supaya dapat membentuk dan membina pelajar yang cemerlang bukan sahaja dari segi sahsiah, malahan juga dari segi akademik.

## 1.8 KERANGKA TEORI

**Rajah 1.1 : Kerangka Teori Menunjukkan Hubungan Guru, Pelajar Dan Situasi Dalam Suasana Kepimpinan.**

Petunjuk :

- Kawasan Bewarna = Lokus Kepimpinan yang menagndungi gaya kepimpinan iaitu
- Autokratik (dominan pemimpin)
  - Demokratik (warna tua)
  - Laissez-faire* (dominan pelajar)



## 1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut :

1. Berbagai-bagai reformasi telah dibuat dalam bidang pendidikan. Semuanya adalah bertujuan untuk menghasilkan kepimpinan yang berkualiti dan seterusnya dapat melahirkan pelajar yang dapat memenuhi wawasan negara. Sekiranya dapatan kajian ini mendapati bahawa gaya kepimpinan pensyarah mempunyai hubungkait ke atas prestasi pencapaian pelajar dalam kursus Pengenalan Komputer, maka pihak Kementerian sewajarnya menilai semula kursus-kursus kepimpinan yang dapat diberikan kepada pensyarah-pensyarah di Politeknik Pasir Gudang.
2. Menggalakkan penyelidikan lain dijalankan pada masa hadapan mengenai kepentingan pensyarah atau guru sebagai pemimpin ke arah reformasi pendidikan serta kecemerlangan pencapaian dari segi akademik dan sahsiah pelajar agar pensyarah atau guru dapat menjadi contoh yang wajar kepada mereka.
3. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi maklum balas kepada pihak pengajar atau pensyarah secara amnya supaya dapat mengekalkan gaya kepimpinan yang digemari pelajar.

## 1.10 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya mengkaji gaya kepimpinan pensyarah kursus Pengenalan Komputer samada mempunyai hubungkait dengan tahap pencapaian pelajar bagi matapelajaran ini. Terdapat tiga gaya kepimpinan merujuk kepada Aminuddin Mohd Yusof dalam bukunya yang betajuk Kepimpinan (1990) iaitu

1. Gaya Kepimpinan Autokratik

2. Gaya Kepimpinan Demokratik
3. Gaya Kepimpinan *Laissez-faire*

## 1.11 DEFINISI ISTILAH

### a) Gaya Kepimpinan

Gaya kepimpinan merujuk kepada sikap atau kelakuan pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat mempengaruhi pelajar atau kumpulan pelajarnya bagi mencapai sesuatu tujuan. Dengan kelakuan dan sikap pensyarah ini akan dapat memotivasi pelajar bagi mencapai kecemerlangan sahsiah dan akademik.

### b) Pensyarah

Pensyarah merujuk kepada pensyarah atau tenaga pengajar bagi subjek kajian sahaja untuk semester yang melibatkan responden tersebut.

### c) Prestasi Pelajar

Prestasi pelajar merujuk kepada pencapaian pelajar dari segi gred bagi sesuatu mata pelajaran iaitu gred A, A-, B+, B, B-, C+, C, D+, D dan F. Bagi kajian ini, prestasi akan dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan gred iaitu prestasi cemerlang, prestasi sederhana dan prestasi lemah berdasarkan gred yang dicapai seperti jadual 1 di bawah. Gred F tidak akan diambil kira dalam kajian ini.

**Jadual 1.1 : Kumpulan Prestasi Keputusan Pelajar Berdasarkan Gred yang Diperolehi.**

Prestasi	Gred
Cemerlang	A, A-
Sederhana	B+, B, B-
Lemah	C+, C, D+, D

**d) Subjek Pengenalan Komputer**

Subjek Pengenalan Komputer merujuk kepada subjek wajib yang perlu diikuti oleh pelajar-pelajar di Politeknik Pasir Gudang.

## 1.12 PENUTUP

Peranan pensyarah atau guru sebagai pemimpin kadang kala bagaikan dilupa begitu saja. Sebagai seorang pensyarah, telah menjadi kewajipan kepada mereka untuk sama-sama mendidik dan membentuk generasi muda akan datang supaya terpelihara sahsiahnya dengan pencapaian akademik yang cemerlang. Sebagai seorang pemimpin, pensyarah pastinya ada gaya yang tersendiri dalam kepimpinan dalam menangani tugas sebagai tenaga pendidik dan perantara yang bertungkus lumus menyampaikan ilmu pengetahuan kepada insan yang memerlukan. Namun, adakah gaya kepimpinan pensyarah terutamanya bagi subjek Pengenalan Komputer dapat mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar terhadap subjek tersebut, inilah yang ingin pengkaji kupas bersama dalam penyelidikan ini. Di dalam bab ini , pengkaji telah membincangkan latar belakang permasalahan, pernyataan masalah, hipotesis, tujuan kajian, kepentingan kajian, skop kajian serta definisi-definisi bagi istilah-istilah yang terlibat. Bab seterusnya pula akan